

JEBAT Bil. 1, 1971/72

JABATAN SEJARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN;
SEKARANG DAN MASA DEPAN-NYA

oleh

Zainal Abidin bin Abdul Wahid

Ketua,

Jabatan Sejarah,

Universiti Kebangsaan, Malaysia.

Tujuan utama Jabatan Sejarah ialah untuk mengkaji sejarah, terutama sekali sejarah Malaysia, dengan chara yang imbang, menyeluruh serta mendalam dan memenuhi kehendak2 ilmiah juga hasrat2 negara Malaysia. Usaha2 telah dan akan dijalankan untuk mengajar, menyelidik dan menulis Sejarah yang memberi makna dan feadah kepada warganegara Malaysia khususnya, dan orang ramai lain amnya.

Segala segi Sejarah akan dikaji – Sejarah politik, ekonomi kemasyarakatan dan budaya. Sejarah kemasyarakatan dan budaya akan menumpukan perhatiannya kepada soal2, antara lain, perhubungan antara bangsa2 di Malaysia juga di Nusantara serta perihal kebudayaan dan agama mereka terutama tentang perkembangan Islam kerantau Asia Tenggara dan perhubungannya dengan Asia Barat.

Chara pendekatan yang digunakan di Jabatan ini ialah dengan menggunakan thema yang tertentu bagi satu2 tahun dan menggunakan pengkajian perbandingan. Misalnya di Tahun I, kursus2 yang diajar ialah Sejarah Malaysai 1850-1941, Sejarah Asia Tenggara untuk tempuh yang agak sama dan Sejarah Eropah bagi kurun2 ke-15 hingga ke-18. Thema yang digunakan bagi Tahun I ialah Faham Penjajahan. Jadi pengkajian Sejarah Eropah di Tahun I dikaitkan dengan perkembangan keadaan2 di Asia Tenggara dan Malaysia iaitu dengan menunjukkan bagaimana faham penjajahan mula timbul di Eropah dan bagaimana ia berkembang ke Asia dan khususnya ke Malaysia dan Asia Tenggara. Jadi Sejarah Eropah tidaklah dikaji sebagai satu sejarah yang berasingan tetapi dikaitkan kepada rantau ini.

Untuk Tahun II thema yang digunakan ialah faham kebangsaan. Zaman yang dikaji untuk Tahun Kedua bagi Sejarah Malaysia, Indonesia, Sarawak, Sabah dan Brunei ialah zaman sesudah 1941; sungguh pun untuk Sejarah Sarawak, Sabah dan Brunei, sejarah yang lebih awal daripadanya

juga dikaji. Sejarah Eropah di Tahun II merupakan pengkajian penchetusan dan perkembangan faham kebangsaan di Eropah serta timbulnya negara-bangsa. Lagi sekali Sejarah Eropah dikaji dengan chara yang berkaitan dan memberi makna kepada Sejarah Asia Tenggara dan Malaysia.

Tumpuan pengajian di Jabatan ini juga merupakan satu pendekatan baharu dengan menitikberatkan pengkajian Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara. Keutamaan kedua diberi kepada Sejarah Asia dengan menitikberatkan Sejarah Asia Barat yang hingga masa sekarang begitu terbiar dalam kursus2 Sejarah di Universiti2 di Malaysia. Keutamaan selepasnya diberi kepada Sejarah Eropah, Amerika, Afrika, Australia dan negara2 lain. Dalam pada itu, sebagai yang telah diterangkan diatas, pengkajian mengikut thema dan perbandingan yang melintasi garis2 kasar keutamaan2 yang dinyatakan itu juga dijalankan.

Di Tahun II, pelajar2 juga diberi kursus yang berkenaan dengan teori dan kaedah sejarah. Di Tahun III pula pelajar2 akan diberi kursus2 yang lebih khusus tentang satu2 rantau/negeri atau satu2 zaman, yang dikaji dengan chara yang lebih mendalam.

Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia chuma memberi ijazah Sarjana Muda diakhir Tahun III tetapi untuk mendapatkan ijazah Sarjana Muda Kepujian pelajar2 perlu mengambil 7 kursus lagi di Tahun IV. Empat daripada kursus ini merupakan satu latihan ilmiah (tisis). Selain daripada melatih pelajar2 dalam bidang pendidikan dan penyëlidikan di Tahun IV, adalah diharapkan bahawa hasil2 daripada penulisan ilmiah ini akan menjadi bahan2 terbitan dalam bidang Sejarah untuk kegunaan pusat2 pengajian serta orang ramai.

Adalah diharapkan bahawa chara mengendalikan latihan ilmiah di Tahun IV Ini akan merupakan satu lagi pembaharuan, seperti pendekatan chara berthema terhadap kursus2 di Tahun I dan II. Pembaharuan yang dimaksudkan disini ialah dari segi pemilihan dan susunan tajuk2 yang akan dikaji. Ada dua chara yang telah difikirkan iaitu menggunakan thema atau kawasan. Misalnya kita hendak mengkaji thema pelajaran; maka mungkin kita jemput 10 orang dari pelajar Tahun IV untuk membuatnya. Tiap2 seorang dari yang sepuluh ini akan diberi masa 10 tahun sejarah pelajaran Malaysia, misalnya 1850-1860 untuk pelajar 'A', 1860-1870 untuk pelajar 'B', dan seterusnya. Adalah diharap bahawa diakhir Tahun keIV ini maka kita mungkin dapat mengeluarkan sebuah buku ilmiah yang bertajuk "Sejarah Pelajaran Malaysia 1850-1950". Demikian juga pendekatannya dari segi kawasan. Kalau kita gunakan juga misalnya 10 orang pelajar tadi untuk mengkaji sejarah negeri Perak maka diakhir Tahun IV itu kita mungkin pula menerbitkan sebuah buku yang bernilai ilmiah dan bertajuk

“Sejarah Negeri Perak 1850-1950”.

Pergabungan antara thema dan kawasan juga mungkin dilakukan. Chara pergabungan ini boleh menchetuskan buku yang bertajuk, misalnya, “Sejarah Pelajaran Negeri Perak 1850-1950”.

Satu lagi rancangan penting jabatan Sejarah ialah mengumpulkan sejarah lisan. Oleh kerana anggota2 masharakat kita tidak mempunyai tradisi menulis riwayat hidup masing2 maka satu chara lain mestilah dicari agar bahan2 sejarah dari orang2 persaorangan ini tidak akan terbiar dan hilang. Usaha2 sedang dijalankan untuk mendapatkan tenaga tambahan buat mengendalikan perakaman sejarah lisan ini.

Untuk melaksanakan dengan berkesan dan menjayakan rancangan2 jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia ini maka perlulah ujud kerjasama yang erat diantara Jabatan Sejarah, pelajar2 dan bahagian2 lain di Universiti kita ini. Marilah kita bersama2 bekerja kearah tersebut.